

SOALAN NO. 93**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TARIKH : 25 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab dan pertimbangan serta cadangan jabatan/agensi mana, Jalan Mutiara Jaya dan Lorong Mutiara Jaya 1 (P045 Bukit Mertajam) dipindah dari N13 Berapit ke N14 Machang Bubok dalam proses persempadanan semula daerah mengundi yang siap pada 31 Mac 2016.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan yang telah dibuat ke atas daftar pemilih sehingga 31 Mac 2017 yang telah diwartakan pada 20 Jun 2017, Jalan Mutiara Jaya dan Lorong Mutiara Jaya 1 adalah terletak di dalam lokaliti Taman Mutiara Indah dan ia masih kekal berada dalam Daerah Mengundi Mutiara Indah (045/13/07) di bawah Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.045 Bukit Mertajam dan Dewan Undangan Negeri N.13 Berapit.

Sekian, terima kasih.